

KUALA LUMPUR KERAJAAN KEMERDEKAAN

Seri Paduka hurai asas membentuk negara gemilang

KUALA LUMPUR, Isnin — Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong bertitah, amalan toleransi dan kerjasama adalah tunjang keteguhan dan ketahanan rakyat ke arah membentuk sebuah negara yang gemilang dan bermaruah.

"Kita telah berjaya meletakkan asas kukuh ke arah melahirkan satu warga, satu bangsa dan satu budaya. Asas inilah kita membina sebuah negara Malaysia yang gemilang," titah Yang Di-Pertuan Agong lagi.

"Titah Seri Paduka Baginda: "Dengan kemajuan yang dicapai, kita sekarang akan menekankan dengan lebih hebat lagi usaha kita mengimbangi pembangunan jamanlah dan pembangunan rohanlah.

Nilai kebangsaan

"Kita menyedari bahawasanya pembangunan mengiati peruk nasi rakyat, lupa mengiati fikiran dan jiwa mereka bukanlah pembangunan yang lengkap," titah Yang Di-Pertuan Agong lagi.

Seri Paduka Baginda bertitah demikian di istiadat pembukaan Mesyuarat Penggal Pertama Perlimen Keenam di Bangunan Parlimen, hari ini.

"Yang Di-Pertuan Agong selanjutnya bertitah, kekuatan sebuah negara tidak hanya bergantung kepada kekayaan

Oleh ZAINUDDIN AYIP & BUSTAMAM AHMAD

kebandan semata-mata. "Negara yang mengukur kejayaannya dengan nilai ketekadan adalah sebuah negara yang tidak berjaya.

"Sudah menjadi hasrat kita membentuk sebuah negara yang gemilang, sebuah negara yang bermaruah, yang duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain di dunia.

"Usaha ke arah ini memerlukan penggabungan tenaga antara ulama dan umara, dalam suasana mesyuarah dan usrah," titah Yang Di-Pertuan Agong lagi.

Seri Paduka Baginda kemudian memuji usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke arah membentuk sebuah negara yang benar-benar dihormati dan disegani oleh masyarakat antarabangsa.

"Titah diraja selama 25 minit itu juga menyentuh kemeseletan ekonomi dunia yang turut menjejaskan negara.

"Beta menyayu sayu rakyat bukan saja dapat memahami keadaan ini, malah berusaha menyesuaikan diri untuk sama-sama mengatasi kesan kemeseletan ini.

"Hal ini haruslah dianggap sebagai satu cubaran kepada ketahanan kita, titah Seri Paduka Baginda lagi.

"Yang Di-Pertuan Agong kemudian mengingatkan bahawa ada pihak-pihak tertentu, baik dalam

maupun luar negeri yang akan cuba mengeksploitasi keadaan kemeseletan ini untuk mencapai hasrat dan kepentingan mereka.

"Kita sangat mahir dengan taktik dan strategi mereka. Oleh yang demikian, semua golongan tidaklah seharusnya mewujudkan keadaan yang membenarkan mana-mana pihak sekalipun menanggung di air keruh," titah Seri Paduka Baginda lagi.

Dalam keadaan yang mencaharkan ini, Yang Di-Pertuan Agong bertitah: "Kita tidak boleh mengabaikan keperluan keselamatan negara.

Keselamatan negara

"Usaha untuk mempermoden dan memperlekapkan seluruh sistem pemerintahan negara akan diteruskan. Beta berbangsa dengan semangat wira yang ditunjukkan oleh pasukan keselamatan kita demi mempertahankan kedaulatan tanah air," titah Yang Di-Pertuan Agong lagi.

Seri Paduka Baginda selanjutnya menitikkan, krisis merupakan satu ujian. "Di saat-saat inilah terujanya kerelean kita berkorban untuk kepentingan bersama," titahnya.

Seri Paduka Baginda menyayu semua pihak, baik di mana berada sama ada swasta maupun kerajaan, pemimpin maupun rakyat sama-sama berusaha mendukung semangah berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, hati luman sama dicecah, hati gajah sama dilapah.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



Seri Paduka balas tabik Hormat Diraja

SDI ATAS Peterana Diraja, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong membalas tabik Hormat Diraja semasa kawalan kehormatan menyembahkan 'Hormat Diraja' di Bangunan Parlimen, semalam.

Di sebelah Seri

Paduka Baginda ialah Raja Permaisuri Agong, manakala di barisan belakang, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam (tidak kelihatan), Datin Seri

Dr. Siti Hassmah dan Datin Maria Musah. Semasa kawalan kehormatan menyembahkan 'Hormat Diraja', lagu Negaraku dimainkan. Bendera Diraja dikibarkan dan merian ditembakkan di atas. — Gambar Berita Harian oleh Khalid Reda.